

06 AUG 2002

Mahathir-air/I

SINGAPURA MESTI ADIL MENGENAI HARGA AIR, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura perlu bersikap adil berhubung harga air yang dibelinya dari Malaysia kerana harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan tidak berubah sejak 1927, tidak masuk akal.

"Harganya perlulah berpatutan. Harga yang tidak berubah selama 75 tahun, tidak masuk akal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Usahawan Wanita Kebangsaan di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak mahu menjual air kepada Singapura kerana ia (Malaysia) rugi.

"Kita tidak bergantung kepada mereka untuk pendapatan bagi membiayai kerajaan kerana pendapatan daripada penjualan air hanya sebahagian kecil (daripada pendapatan Malaysia).

"Ia bukannya sumber utama pendapatan bagi kerajaan," katanya ketika diminta mengulas laporan bahawa Singapura tidak akan memperbaharui satu daripada dua perjanjiannya dengan Johor berhubung pembelian air.

"Boleh awak beritahu saya tentang apa jua barang yang dijual pada harga tiga sen pada 1927 dan harga itu masih kekal sehingga sekarang. Jika awak boleh tunjukkan, saya sedia terima," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Malaysia sekadar membantu Singapura dengan menjual air berdasarkan perjanjian yang ditandatangani.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962 bagi membekalkan 214 juta liter air mentah ke republik itu setiap hari.

Mengenai hasrat Singapura tidak mahu memperbaharui satu daripada perjanjian itu dengan Johor, Dr Mahathir berkata : "Malah, kita boleh hentikannya sekarang, kita yang rugi."

"Kedua-dua pihak perlu bersetuju pada perjanjian membekalkan air tetapi dalam kes ini (harga), kita tidak bersetuju," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak begitu gemar menjual air kepada Singapura kerana negara ini rugi menjualnya pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen.

Sebaliknya, Singapura menjual balik air yang dirawat kepada Malaysia pada harga lebih tinggi iaitu 50 sen bagi setiap 1,000 gelen, dan lebih tinggi lagi kepada rakyat Singapura, katanya.

"Kita berjanji untuk menjual air kepada mereka tetapi bukan untuk mereka menjualnya bagi mendapat keuntungan.

"Kita boleh jual kepada rakyat kita sendiri di Malaysia. Di Melaka (umpamanya), kita boleh jual pada 30-40 sen bagi setiap 1,000 gelen," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

DC MR AHH MAI